

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

PLG 442 Teori-Teori Personaliti

Masa : [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Pilih dan jawab LIMA soalan sahaja. Semua jawapan mestilah dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Apakah yang anda faham dengan konsep personaliti? Apakah perbezaan-perbezaan utama di antara personaliti yang sihat dengan yang tidak sihat?.

[20 markah]

2. Dengan menggunakan konsep-konsep utama teori psikoanalisis Freud, jelaskan bagaimana kerisauan muncul di dalam diri individu. Dengan mengemukakan TIGA contoh, nyatakan tindakan-tindakan yang biasanya dilakukan oleh seseorang individu bagi mengurangkan kerisauan ini.

[20 markah]

3. Mengapakah Carl Jung dan Alfred Adler memutuskan hubungan profesional mereka dengan Freud? Apakah alternatif-alternatif yang mereka tekankan?

[20 markah]

4. Kekongruanan yang sedikit di antara pengalaman/fenomenologi dan konsep sendiri menghasilkan kerisauan. Demikian ditegaskan oleh Carl Rogers di dalam teorinya. Bincangkan.

[20 markah]

5. Jika anda berhadapan dengan seorang murid yang mempunyai tingkahlaku bermasalah, huraikan rancangan tindakan yang akan anda ambil bagi mengatasi masalah itu dengan berpandukan konsep-konsep pelaziman operan.

[20 markah]

6. Pilih TUJUH daripada konsep-konsep berikut dan huraikan dengan ringkas apa yang anda faham mengenai tiap-tiap satu daripadanya :

- [a] fobia
- [b] keadaan ego (ego state)
- [c] perkara-perkara yang belum selesai (unfinished business)
- [d] perkaitan bebas
- [e] "causality dan teleology"
- [g] identiti berjaya
- [h] sistem kepercayaan
- [i] fictional finalism
- [j] anima da animus

[20 markah]

7. Apakah yang Eric Berne maksudkan dengan idea "I'm OK; You're OK"?

[20 markah]

8. Bagaimanakah akan anda tolong seorang murid anda yang amat takutkan ular (fobia ular)?

[20 markah]

-- oooo000oooo --